

Peniaga rugi banjir kilat melanda Kuantan

Oleh HAFIZ ABBAS

mohdhafiz.abbas@kosmo.com.my

KUANTAN – Kejadian banjir kilat yang berlaku secara mengejut mengakibatkan aktiviti perniagaan hampir lumpuh di sekitar bandar ini semalam.

Banjir itu turut menyebabkan peniaga di sekitar bandar ini mengalami kerugian besar apabila gagal menyelamatkan harta benda mereka yang ditenggelami air sedalam 1.5 meter.

Antara jalan yang ditenggelami air ialah Jalan Tun Ismail Satu, Jalan Beserah, Jalan Wong Ah Jang, Jalan Lim Hoe Lek, Jalan Abd. Aziz, Jalan Mahkota, Jalan Bukit Ubi, Jalan Air Putih, Jalan Pasar dan Terminal Makmur.

Seorang pekerja kedai peralatan sukan, Mohd. Hasbillah Ismail, 24, berkata, dua premis di sini mengalami kerugian mencecah RM400,000 kerana kebanyakan barangan sukan di situ rosak selepas ditenggelami air.

“Air naik begitu cepat dan



SEORANG pekerja kedai peralatan sukan mengemaskan barangan yang ditenggelami banjir di Jalan Tun Ismail, Kuantan semalam.

masuk ke dalam premis menyebabkan saya bersama empat pekerja lain cuba untuk menyelamatkan barang jualan.

“Bagaimanapun, hanya sebahagian barangan sempat dise-

lamatkan dan kebanyakannya rosak,” katanya ketika ditemui di Jalan Tun Ismail di sini semalam.

Mohd. Hasbillah berkata, dia mungkin terpaksa membuat

jualan lelong bagi mengelakkan kerugian yang lebih besar.

Seorang lagi mangsa, Mohd. Badrulhisham Mohammed, 28, yang juga kakitangan pemasaran di premis membekal peralatan industri berkata, air masuk ke dalam kedainya dalam tempoh 30 minit menyebabkan dia dan pekerja lain kelimakabutan menyelamatkan barang.

“Dalam masa setengah jam air di dalam kedai sudah sampai pada paras lutut dan kami cuba sedaya mungkin menyelamatkan barang yang ada di sini.

“Malangnya masih banyak peralatan syarikat kami rosak seperti komputer, dokumen-dokumen dan barang industri,” katanya.

Kelvin Ngian, 36, peniaga kedai peralatan tulis di Jalan Bukit Ubi di sini pula menyatakan bencana itu kali pertama dialami olehnya.

“Longkang di sini sudah dibaiki tetapi ia tidak cukup dalam dan besar. Saya rasa inilah punca banjir kilat ini,” katanya.